Sukhwinder Kaur a/p Pretam Singh lwn Raspal Singh a/l Sarjit Singh

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — PETISYEN PERCERAIAN NO PA-33–105–903 TAHUN 2020
AZIZAN ARSHAD PK
9 SEPTEMBER 2022

Undang-Undang Keluarga — Perceraian — Aset perkahwinan — Pempetisyen isteri memfailkan petisyen perceraian — Sama ada aset matrimonial kedua dibiayai oleh pempetisyen isteri sahaja dan 1/2 bahagian kemilikan responden suami dalam rumah dikehendaki dikembalikan dan dipindahmilik kepada pempetisyen isteri — Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 s 76(5)

Undang-Undang Keluarga — Perceraian — Nafkah — Pempetisyen isteri memfailkan petisyen perceraian — Sama ada responden suami dikehendaki membayar nafkah hidup sebanyak RM3,000 sebulan kepada pempetisyen isteri — Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 s 86

Pempetisyen isteri telah berkahwin secara sah dengan responden suami pada 22 Jun 1998 dan kedua-dua mereka telah menetap dan bersedudukan di sebuah rumah di Pulau Pinang ('rumah matrimonial'). Sepanjang perkahwinan tersebut, pempetisyen isteri dan responden suami dikurniakan dengan seorang anak perkahwinan yang telah mencapai umur dewasa. Terdapat perselisihan faham di antara responden suami dan pempetisyen isteri. Pempetisyen isteri bersama-sama dengan anak perkahwinan telah berpindah keluar rumah matrimonial pada 17 Mei 2019. Terdapat dua hartanah dibeli dan didaftarkan di atas nama pempetisyen isteri dan responden suami sepanjang perkahwinan iaitu rumah matrimonial dan satu rumah dua tingkat yang disewa kepada pihak ketiga ('aset matrimonial kedua'). Melalui petisyen perceraian pempetisyen isteri telah memohon untuk, antara lain, perintah-perintah seperti berikut: (a) 1/2 bahagian kemilikan responden suami dalam aset matrimonial kedua dikembalikan dan dipindahmilik kepada pempetisyen isteru; dan (b) responden suami diperintahkan untuk membayar nafkah hidup pempetisyen isteri sebanyak RM3,000 sebulan. Melalui petisyen balas, responden suami telah menuntut balas, antara lain, untuk aset matrimonial kedua dikekalkan hakmilik responden suami sebagai pemilik 1/2 bahagian.

Diputuskan:

(1) Keterangan lisan pempetisyen isteri telah disokong oleh keterangan dokumen yang jelas menunjukkan terdapatnya pembelian RM105,000 bagi hartanah tersebut dan pembuktian bahawa beliau sendiri telah membuat bayaran. Sebaliknya, bagi keterangan responden suami pula hanyalah berdasarkan ingatan beliau dan sokongan dokumen yang dikemukakan hanya menunjukkan bahawa wang RM55,300 telah dikeluarkan. Tiada keterangan yang jelas untuk menunjukkan apakah kegunaan wang dikeluarkan itu. Atas imbangan kebarangkalian, responden suami telah gagal membuktikan bahawa wang sebanyak lebih RM50,000 telah dikeluarkan khusus untuk digunakan bagi baik pulih dan naik taraf rumah tersebut. Mahkamah tidak dapat mengguna pakai kuasa di bawah s 76(5) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 ('Akta') kerana tidak terdapat fakta yang menyokong tuntutan responden suami. Kedua-dua aset matrimonial tidak sepatutnya dipisahkan dengan masing-masing suami dan isteri mendapat satu unit rumah kerana hanya rumah matrimonial sahaja dapat disahkan kedua-dua mereka telah menyumbang kepada pembelian rumah tersebut tetapi tidak kepada aset matrimonial kedua. Duit deposit juga telah dibayar oleh pempetisyen isteri sepenuhnya dan jumlah keseluruhan harga belian juga daripada duit simpanan beliau sendiri. Tiada sebarang bukti bayaran lain daripada responden suami yang memungkinkan beliau berhak kepada rumah tersebut walaupun sebagai 'resulting trust' kerana tiada bukti secara jelas akan sumbangan tersebut. Keterangan pempetisyen isteri diterima berbanding keterangan responden suami (lihat perenggan 25–26, 29, 31–32, 35 & 37).

(2) Tiada keterangan dikemukakan oleh pempetisyen isteri bagi menunjukkan responden suami mempunyai sumber pendapatan lain selain daripada gaji responden suami. Pendapatan responden suami adalah dalam RM5,000 ke RM5,100 dan bukan dalam lingkungan RM7,000 hingga RM8,000 seperti dakwaan pempetisyen isteri. Jumlah RM1,000 sebulan iaitu 20% daripada pendapatan terkini responden suami adalah tidak terlalu membebankan responden suami dan dalam masa yang sama dapat menampung pempetisyen isteri untuk meneruskan kehidupannya dengan mengambil kira keadaan semasa beliau. Sejumlah RM39,000 dibayar sebagai tunggakan nafkah kepada pempetisyen isteri dan ini adalah jumlah yang munasabah mengambilkira tempoh yang telah dibuktikan. Tunggakan dibayar selama 39 bulan kerana ianya dibolehkan di bawah s 86 Akta kerana petisyen perceraian difailkan pada 5 Mac 2020 dan pempetisyen isteri telah keluar daripada rumah matrimonial pada 17 Mei 2019 (lihat perenggan 43– 44, 48 & 51).

[English summary

The petitioner wife was legally married to the respondent husband on 22 June 1998 and they both resided and cohabited in a house in Penang ('the matrimonial house'). During the marriage, the petitioner wife and the respondent husband were blessed with a child of the marriage who had reached the age of adulthood. There was a disagreement between the respondent husband and the petitioner wife. The petitioner wife together with the child of the marriage moved out of the matrimonial house on 17 May 2019. There were two properties purchased and registered in the name of the petitioner wife and the respondent husband throughout the marriage, namely the matrimonial house and a two-storey house that was rented to a third party ('the second matrimonial asset). Through a petition for divorce the petitioner wife had applied for, among others, the following orders: (a) 1/2 of the respondent husband's ownership in the second matrimonial asset be returned and transferred to the petitioner wife; and (b) the respondent husband was ordered to pay maintenance to the petitioner wife amounting to RM3,000 per month. Through a cross-petition, the respondent husband had counterclaimed, among other things, for the second matrimonial asset to be retained as the owner of the respondent husband's 1/2 share.

Held:

(1) The petitioner wife's oral evidence was supported by documentary evidence that clearly showed the purchase of RM105,000 for the property and proof that she herself had made the payment. On the other hand, for the respondent husband's evidence, it was only based on his memory and the supporting documents submitted only showed that RM55,300 had been withdrawn. There was no clear evidence to show what the money was used for. On the balance of probabilities, the respondent husband had failed to prove that money amounting to more than RM50,000 was specifically released to be used for the repair and upgrade of the house. The court could not exercise its powers under s 76(5) of the Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976 ('the Act') because there were no facts to support the respondent husband's claim. The two matrimonial assets should not be separated with each husband and wife getting one house unit because only the matrimonial house could be verified as both of them have contributed to the purchase of the house but not to the second matrimonial asset. The deposit money had also been paid by the petitioner wife in full and the total amount of the purchase price was also from her own savings. There was no other proof of payment from the respondent husband that allowed him to be entitled to the house even as a 'resulting trust' because there was no clear proof of the contribution. The evidence of the petitioner wife was accepted in comparison to the evidence of the respondent husband (see paras 25–26, 29, 31–32, 35 & 37).

(2) There was no evidence submitted by the petitioner wife to show that the respondent husband had other sources of income other than the salary of the respondent husband. The respondent husband's income was in the range of RM5,000 to RM5,100 and not in the range of RM7,000 to RM8,000 as claimed by the petitioner wife. The sum of RM1,000 per month which was 20% of the respondent husband's latest income was not too burdensome for the respondent husband and at the same time could accommodate the petitioner wife to continue her life taking into account her current situation. A sum of RM39,000 was paid as maintenance arrears to the petitioner wife and this was a reasonable amount considering the period that had been proven. Arrears were paid for 39 months as it was allowed under s 86 of the Act as the divorce petition was filed on 5 March 2020 and the petitioner wife moved out of the matrimonial home on 17 May 2019 (see paras 43–44, 48 & 51).]

Kes-kes yang dirujuk

Balakrishnan a/l Kaliappan v Shameena a/p Nathesan [2019] 5 MLJ 661, MR (dirujuk)

Kamalahasan a/l Singaram v Portia Ceri Pooran [2019] MLJU 1442, MT (dirujuk)

Koay Cheng Eng v Linda Herawati Santoso [2008] 4 MLJ 863; [2008] 4 CLJ 105, MR (dirujuk)

Loo Hon Kong v Loo Kim Lim [2004] 4 CLJ 1, MR (dirujuk)

MMC Oil & Gas Engineering Sdn Bhd v Tan Bock Kwee & Sons Sdn Bhd [2016] 2 MLJ 428, MR (dirujuk)

Ng Li Lin (P) v Ting Tian Hwa [2017] 10 MLJ 626; [2017] 4 CLJ 522, MT (dirujuk)

Sivajothi a/p K Suppiah v Kunathasan a/l Chelliah [2000] 6 MLJ 48; [2000] 3 CLJ 175, MT (dirujuk)

Sivanes a/l Rajaratnam v Usha Rani a/p Subramaniam [2002] 3 MLJ 273; [2002] 3 CLJ 300, MR (dirujuk)

Teoh Cy Kuan (L) v Lee Lai San (P) [2020] 10 MLJ 42, MT (dirujuk)

Wong Kim Foong (F) v Teau Ah Kau @ Chong Kwong Fatt [1998] 1 MLJ 359, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114(g)

Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 ss 76, 76(5), 77, 86

Ranjit Singh Dhillon (Latsmanan a/l Ponnusamy bersamanya) (Ranjit Singh Dhillon & Co) bagi pihak pempetisyen.

Effendi Syah bin Noordin (Effendi & Co) bagi pihak responden.

Azizan Arshad PK:

PENGENALAN

[1] Ini merupakan rayuan terhadap keputusan mahkamah ini dalam perbicaraan penuh untuk petisyen perceraian. Pada asalnya responden suami ('RS') menentang permohonan perceraian pempetisyen isteri ('PI') ini, namun semasa perbicaraan dimulakan, pihak responden suami bersetuju untuk peceraian direkodkan dan perbicaraan diteruskan atas isu harta matrimonial.

[2] Melalui petisyen perceraian (lampiran 1) pempetisyen isteri telah memohon untuk perintah-perintah seperti berikut:

(a) perkahwinan Raspal Singh a/l Sarjit Singh (No KP: 660622–10–6007) dan Sukhwinder Kaur a/p Pretam Singh (No KP: 720326–07–5244) yang didaftarkan pada 22 Jun 1998 di Pejabat Pendaftaran Negara, Pulau Pinang dengan ini dibubarkan dan dekri nisi dijadikan mutlak dalam masa tiga bulan dari tarikh perintah ini;

(b) bahawa berhubungan dengan rumah matrimonial tersebut yang dikenali sebagai No 41, Persiaran Tuna, Seberang Jaya, 13600 Perai, Pulau Pinang, pempetisyen isteri dan responden suami memiliki 1/2 bahagian masing-masing;

(c) mahawa berhubungan dengan hartanah *matrimonial* kedua yang dikenali sebagai No 1, Pintas Tuna 1, Seberang Jaya, Pulau Pinang:

  (i) 1/2 bahagian kemilikan responden suami dalam hartanah tersebut dikembalikan dan dipindahmilik kepada pempetisyen isteri. responden suami diperintahkan untuk menandatangani borang pindah milik dalam tempoh masa 14 hari dari perintah ini; dan

  (ii) kesemua kos dan perbelanjaan berhubungan dengan pindah milik tersebut ditanggung oleh responden suami.

(d) bahawa responden suami diperintahkan untuk membayar nafkah hidup pempetisyen isteri sebanyak RM3,000 sebulan kepada pempetisyen isteri pada atau sebelum 1 haribulan setiap bulan;

(e) bahawa responden suami diperintahkan untuk menanggung segala kos pendidikan anak perkahwinan Harkiranjit Kaur Sohni a/p Raspal Singh sehingga ke tahap tertiari;

(f) pihak-pihak diberikan kebenaran untuk memohon perintah lanjutan;

(g) kos prosiding ini ditanggung oleh responden suami; dan

(h) apa-apa relif yang difikirkan suai manfaat dan adil oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

[3] Melalui petisyen balas (lampiran 6), responden suami telah menuntut balas untuk perintah-perintah seperti berikut:

(a) bahawa perkahwinan ini diteruskan dan pempetisyen pulang semula ke rumah *matrimonial* tersebut;

(b) secara alternatif, bahawa jika pempetisyen bertegas untuk bercerai, segala wang di dalam akaun simpanan bersama beserta dividen yang telah dikeluarkan secara salah oleh pempetisyen, dikembalikan ke dalam akaun simpanan bersama yang baharu dan responden dikekalkan sebagai pemilik bersama akaun tersebut kerana wang tersebut adalah hasil kerja responden dan milik responden seorang;

(c) bahawa rumah serta hartanah *matrimonial* tersebut yang masing-masing dikenali sebagai No 41, Persiaran Tuna, Seberang Jaya, 13600 Perai, Pulau Pinang dan No 1, Pintas Tuna 1, Seberang Jaya, Pulau Pinang dikekalkan hakmilik Responden sebagai pemilik 1/2 bahagian kerana kedua-duanya adalah daripada hasil usaha kewangan responden. Dari segi kewangan, hanya responden seorang sahaja yang bekerja menampung keluarga, rumah serta hartanah tersebut;

(d) bahawa segala bentuk barang kemas yang dimiliki oleh responden yang dipegang oleh pempetisyen daripada peti besi simpanan bersama adalah di pulangkan semula kepada responden;

(e) bahawa pempetisyen yang dipercayai mengeluarkan wang bahagian sumbangan responden di dalam akaun insuran etika sebanyak RM10,000 memulangkan semula wang tersebut kepada responden;

(f) bahawa pihak-pihak diberikan kebenaran untuk memohon perintah lanjutan;

(g) kos tindakan ini serta kos sampingan ditanggung oleh pempetisyen; dan

(h) lain-lain perintah di mana mahkamah yang mulia ini difikirkan suai manfaat dan adil diberi.

[4] Mahkamah ini telah memberikan keputusan pada 8 Ogos 2022 bagi keputusan berikut yang sebahagian daripada keputusan itu telah memerintahkan bahawa:

(1) bahawa 1/2 bahagian responden suami di dalam rumah *matrimonial* No 1, Pintasan Tuna, Seberang Jaya, 13600 Prai diperintahkan untuk pindahmilik kepada pempetisyen isteri dalam tempoh 90 hari dari tarikh perintah ini. Sekiranya responden suami gagal berbuat demikian setelah diserahkan dengan perintah ini, Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang diberi kuasa sepenuhnya untuk menandatangani dan memeterai segala suratcara dan dokumen berkaitan dengan pindahmilik tersebut. Selanjutnya,

Pendaftar Hakmilik Tanah, Pentadbir Tanah atau mana-mana pihak-pihak berkaitan hendaklah memindahkan rumah matrimonial tersebut kepada pempetisyen isteri dengan sewajarnya setelah penyampaian perintah ini dengan dan/atau tanpa suratan hak milik asal; dan

(2) responden suami diperintahkan membayar jumlah tunggakan bagi pempetisyen isteri sebanyak 39 bulan (bulan Jun 2019–Ogos 2022) iaitu sebulan RM1,000 sebulan sebanyak RM39,000 dalam tempoh 30 hari dari perintah ini.

[5] Responden suami tidak berpuas hati dan merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap sebahagian sahaja daripada keputusan tersebut iaitu keputusan dalam (1) dan (2) di atas. Mahkamah ini sekarang memberikan alasan-alasan kepada keputusan tersebut. Pihak-pihak dalam rayuan ini akan dirujuk sebagaimana mereka di Mahkamah Tinggi.

KERTAS KAUSA

[6] Dokumen-dokumen yang telah difailkan pihak-pihak dan menjadi rujukan semasa perbicaraan adalah seperti berikut:

(a) petisyen peceraian bertarikh 5 Mac 2020;

(b) jawapan kepada petisyen bertarikh 24 Jun 2020;

(c) jawapan kepada petisyen peceraian pempetisyen isteri 17 Julai 2020;

(d) jawapan balas kepada jawapan kepada petisyen perceraian dan jawapan kepada jawapan petiyen balas bertarikh 3 Ogos 2020;

(e) penyataan saksi pempetisyen isteri (SP1);

(f) penyatan saksi tambahan pempetisyan;

(g) penyataan saksi anak perkahwinan (SP2);

(h) penyatan saksi responden suami (SD1);

(i) ikatan dokumen bersama A;

(j) ikatan dokumen bersama B;

(k) ikatan dokumen bersama C;

(l) ikatan dokumen tambahan pempetisyen isteri;

(m) ikatan tambahan responden suami;

(n) ikatan tambahan kedua responden suami;

(o) ikatan tambahan ketiga responden suami;

(p) isu-isu yang dibicarakan; dan

(q) fakta-fakta yang dipersetujui.

LATAR BELAKANG KES

[7] Pempetisyen isteri telah berkahwin secara sah dengan responden suami pada 22 Jun 1998 di Jabatan Pendaftaran Negara, Pulau Pinang dan kedua-dua mereka telah menetap dan bersedudukan di rumah No 41, Persiaran Tuna, Seberang Jaya, 13600 Perai, Pulau Pinang ('rumah *matrimonial* tersebut').

[8] Sepanjang perkahwinan tersebut, pempetisyen isteri dan responden suami dikurniakan dengan seorang anak perkahwinan iaitu Harkiranjit Kaur Sohni a/p Raspal Singh, yang telah mencapai umur dewasa.

[9] Terdapat perselisihan faham di antara responden dan pempetisyen isteri. Pempetisyen isteri bersama-sama dengan anak perkahwinan telah berpindah keluar rumah matrimonial tersebut pada 17 Mei 2019.

[10] Terdapat dua hartanah dibeli dan didaftarkan di atas nama pempetisyen isteri dan responden suami sepanjang perkahwinan iaitu:

(a) satu rumah dua tingkat Seberang Jaya, 13600 rumah *matrimonial* tersebut; dan

(b) satu rumah dua tingkat beralamat No 1, Pintas Tuna 1, Seberang Jaya, Pulau Pinang yang terkini disewa kepada pihak ketiga.

[11] Terdapat dakwaan bahawa adalah saling dipersetujui bahawa pemilikan kedua-dua pihak dalam rumah matrimonial tersebut dikekalkan iaitu memiliki 1/2 bahagian masing-masing.

[12] Sebelum ini pempetisyen isteri bekerja sebagai jururawat di hospital swasta tetapi telah disahkan sebagai seorang kurang upaya ('OKU') pada tahun 2008 dan tidak dapat bekerja sejak itu dan pada setiap masa yang material, responden suami bekerja di Boustead Holding Petrolium Sdn Bhd.

[13] Pada bulan Julai 2019, pempetisyen isteri telah melalui peguamcaranya menghantar sepucuk surat bertarikh 2 Julai 2019 kepada responden suami untuk memaklumkan hasrat pempetisyen isteri untuk penceraian atau pembubaran perkahwinan mereka.

[14] Responden suami telah membalas surat peguamcara pempetisyen isteri melalui surat peguamcaranya yang bertarikh 23 Julai 2019 dengan, antara lain, meminta pempetisyen isteri supaya balik ke rumah *matrimonial* tersebut.

Responden suami seterusnya melalui surat peguamcaranya yang bertarikh 15 Ogos 2019 mengatakan bahawa dia bersetuju untuk bercerai dengan pempetisyen isteri tetapi tertakluk kepada syarat satu pengesahan daripada Badan Pendamaian diperolehi. Pengesahan bertarikh 14 Januari 2020 telah dikeluarkan oleh Badan Pendamaian.

[15] Memandangkan pihak-pihak telah bersetuju perkahwinan dibubarkan, mahkamah tidak akan menyentuh keterangan berkaitan kepada punca dan sebab yang membawa kepada perceraian ini sepertimana yang dinyatakan dalam prosiding, tetapi akan memberikan alasan kepada dua isu yang ditimbulkan dalam rayuan ini sahaja.

UNDANG-UNDANG

[16] Undang-undang berkaitan pembahagian harta matrimonial adalah di bawah s 76 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 ('AUPP') memperuntukkan kuasa kepada mahkamah seperti berikut:

> 76 Power for court to order division of matrimonial assets
>
> (1) The court shall have power, when granting a decree of divorce or judicial separation, to order the division between the parties of any assets acquired by them during the marriage or the sale of any such assets and the division between the parties of the proceeds of sale.
>
> (2) In exercising the power conferred by subsection (1) the court shall have regard to:
>
> (a) The extent of the contributions made by each party in money, property or work towards the acquiring of the assets or payment of expenses for the benefit of the family;
>
> (aa)the extent of the contributions made by the other party who did not acquire the assets to the welfare of the family by looking after the home or caring for the family;
>
> (b) Any debts owing by either party which were contracted for their joint benefit;
>
> (c) The needs of the minor children, if any, of the marriage,
>
> (d) the duration of the marriage;
>
> and subject to those considerations, the court shall incline towards equality of division;
>
> (3) (deleted by Act 1546).
>
> (4) (deleted by Act 1546).
>
> (5) For the purposes of this section, references to assets acquired during a marriage include assets owned before the marriage by one party which have been substantially improved during the marriage by the other party or by their joint efforts.

[17] Bagi nafkah kepada pasangan adalah di bawah 's 77 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 ('AUPP')' seperti berikut:

77 Power for court to order maintenance of spouse

(1) The court may order a man to pay maintenance to his wife or former wife:

(a) during the course of any matrimonial proceedings;

(b) when granting or subsequent to the grant of a decree of divorce or judicial separation;

(c) if, after a decree declaring her presumed to be dead, she is found to be alive.

(2) The court shall have the corresponding power to order a woman to pay maintenance to her husband or former husband where he is incapacitated, wholly or partially, from earning a livelihood by reason of mental or physical injury or ill-health, and the court is satisfied that having regard to her means it is reasonable so to order.

ISU DAN KETERANGAN SAKSI-SAKSI SEMASA PERBICARAAN

Saksi-saksi

[18] Pempetisyen isteri telah membawa dua orang saksi iaitu dirinya sendiri sebagai SP1 dan anak tunggal perkahwinan sebagai SP2. Pempetisyen suami pula telah hadir dan memberikan keterangan sebagai SR1. Lain-lain keterangan adalah berdasarkan kepada dokumen-dokumen yang telah difailkan.

Isu-isu

[19] Isu-isu yang berkaitan dengan rayuan ini adalah:

Sama ada rumah matrimonial kedua yang dikenali sebagai No 1, Pintas Tuna 1 Seberang Jaya, Pulau Pinang dibiayai oleh pempetisyen isteri sahaja dan 1/2 bahagian kemilikan responden suami dalam rumah tersebut dikehendaki dikembalikan dan dipindahmilik kepada pempetisyen isteri

[20] Pempetisyen isteri dalam keterangannya telah menjelaskan bahawa beliau telah mengeluarkan RM105,000 dalam dua bank deraf daripada Maybank bertarikh 4 April 2008. Keterangan ini disokong oleh dokumen-dokumen berkaitan. pempetisyen isteri juga dalam keterangan bagi menyokong keterangan lisan beliau telah merujuk kepada surat yang dikeluarkan oleh peguam pihak penjual rumah berkaitan bagi jumlah RM90,000 dan RM15,000 sebagai bayaran rumah tersebut. Beliau juga dalam

keterangan menyatakan telah membayar wang deposit tempahan sebanyak RM500. Semua keterangan ini tidak dicabar oleh responden suami.

[21] Peguam pempetisyen isteri berhujah ini jelas membuktikan bahawa rumah tersebut telah dibeli oleh pempetisyen isteri dengan wangnya sendiri. Semasa memberikan keterangan dalam mahkamah, responden suami sendiri mengakui bahawa rumah tersebut dibeli oleh pempetisyen isteri. Ini dapat dilihat dalam jawapan bertulis penyataan saksi beliau iaitu pada jawapan nombor 10 dalam SD1 bahawa 'bagi harta Pintasan Tuna 1, kesemua wang belian dibayar oleh isteri' dan ini juga disahkan dalam mahkamah.

[22] Bagi menjawab hujahan atas keterangan tersebut, Peguam responden suami berhujah, walaupun responden suami telah mengakui bahawa keseluruhan harga belian aset *matrimonial* kedua adalah dibayar melalui wang insurans pempetisyen isteri, tetapi di dalam keterangannya dia mengatakan bahawa dia telah mengeluarkan wang sebanyak lebih RM50,000 untuk tujuan baik pulih dan naik taraf rumah tersebut.

[23] Atas alasan ini, beliau berhak kepada 1/2 daripada pemilikan rumah itu. Walau bagaimanapun resit pembaikan rumah atau siapakah kontraktor yang terlibat tidak dikemukakan. Bagi resit baik pulih rumah No 1, Pintas Tuna 1, resit-resit berkaitan sebanyak lebih RM50,000 tersebut ianya gagal dikemukakan kepada mahkamah kerana telah dilarikan oleh pempetisyen isteri semasa keluar dari rumah matrimonial dan laporan polis berkaitan juga telah dibuat.

[24] responden suami juga menyatakan bahawa berdasarkan rekod akaun simpanan (eksh D20) beliau tertera bahawa pada 4 April 2008 beliau telah mengeluarkan wang sebanyak RM55,300 dan *daripada ingatan beliau wang ini adalah digunakan untuk membaik pulih dan membuat renovasi rumah tersebut, hakmiliknya ke atas aset matrimonial kedua ini*. Beliau juga menyatakan penyata tersebut menunjukkan bahawa pada 4 April 2008 terdapat pengeluaran besar berjumlah RM55,300 daripada akaunnya. Ini adalah selari dengan fakta bahawa aset matrimonial ini telah dibeli secara bersama melalui perjanjian jual beli bertarikh 11 April 2008.

[25] Berbanding dengan keterangan responden suami, mahkamah ini mendapati keterangan lisan pempetisyen isteri telah disokong oleh keterangan dokumen yang jelas menunjukkan terdapatnya pembelian RM105,000 bagi hartanah tersebut dan pembuktian bahawa beliau sendiri telah membuat bayaran. Fakta ini juga diakui oleh responden suami.

[26] Sebaliknya, bagi keterangan responden suami pula hanyalah berdasarkan *ingatan beliau* dan sokongan dokumen yang dikemukakan dalam

D20 hanya menunjukkan bahawa wang RM55,300 telah dikeluarkan. *Tiada keterangan yang jelas untuk menunjukkan apakah kegunaan wang dikeluarkan itu*. Dalam keterangan berkaitan laporan polis, juga tidak tidak dapat membantu responden suami bagi penjelasan atas isu ini.

[27] Semasa keterangan responden suami dalam mahkamah juga tidak dinyatakan siapakah kontraktor yang telah membuat renovasi rumah tersebut. Sekiranya dokumen hilang atau saksi tidak dapat dijumpai, sekurang-kurangnya mesti terdapat penjelasan bagi mengelakkan pemakaian s 114(g) Akta Keterangan 1950. Tiada langsung keterangan berkaitan penggunaan RM55,300 atau sekurang-kurangnya RM50,000 seperti dakwaan responden suami bahawa ianya digunakan untuk pembaikan atau renovasi rumah. Tiada langsung keterangan berkaitan bagi mahkamah ini menerimanya untuk sekurang-kurangnya menimbulkan keraguan atau menyangkal keterangan pempetisyen isteri bahawa responden suami tidak menyumbang dalam aset matrimonial kedua itu.

[28] Dalam kes *MMC Oil & Gas Engineering Sdn Bhd v Tan Bock Kwee & Sons Sdn Bhd* [2016] 2 MLJ 428, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa:

> The documentary evidence instead discloses that MMCOG had no nexus whatsoever with the works undertaken and performed by the plaintiff at the behest of Warga Hikmat. Put another way, there was no privity of contract between the plaintiff and the consortium. As such neither the consortium nor MMCOG, can be liable for work done under a contract between Warga Hikmat and the plaintiff. *In this context, the oral evidence of the consortium director or project director cannot overide the contemporaneous documentary evidence. The learned judge erred in preferring such oral evidence and ignoring the documentary, contemporaneous evidence*.

[29] Berdasarkan fakta kes ini, atas imbangan kebarangkalian, responden suami telah gagal membuktikan bahawa wang sebanyak lebih RM50,000 telah dikeluarkan khusus untuk digunakan bagi baik pulih dan naik taraf rumah tersebut. Jumlah ini tidak dapat diambil kira sebagai sebahagian daripada jumlah yang disumbangkan untuk rumah tersebut. Adalah tidak adil untuk responden suami diberikan hakmiliknya ke atas aset *matrimonial* kedua ini tanpa sebarang asas yang kukuh akan sumbangan beliau.

[30] Dalam masa yang sama sekiranya terdapat wang yang telah dibelanjakan (yang mana tidak dibuktikan) responden suami tidak mengalami sebarang kerugian kerana sewaan yang telah diperolehi daripada aset matrimonial kedua tersebut telah diperolehi secara sepihak dan digunakan oleh beliau. Ketika memberikan keterangan dalam mahkamah, responden suami tidak menafikan dengan bukti bahawa sejumlah lebih kurang RM80,000 sejak tahun 2008 sehingga hari ini telah diperolehi daripada sewaan tersebut. Pengiraan adalah atas kadar sewaan sebanyak RM500 sebulan.

[31] Mahkamah ini tidak dapat bersetuju dengan hujahan peguam responden suami bahawa mahkamah harus menguna pakai kuasa di bawah s 76(5) AUPP 1976 iaitu:

> Power for court to order division of matrimonial assets
>
> (5) For the purpose of this section, references to assets acquired during a marriage include assets owned before the marriage by one party which have been substantially improved during the marriage by the other party or by their joint efforts.

Ini adalah kerana tidak terdapat fakta yang menyokong tuntutan responden suami berdasarkan keterangan yang dikemukakan sepanjang perbicaraan ini. Prinsip sebegini telah diterangkan dalam kes *Ng Li Lin (P) v Ting Tian Hwa* [2017] 10 MLJ 626; [2017] 4 CLJ 522, yang memutuskan bahawa:

> [45] However, I do not find the defendant having discharged this onus by adducing sufficient evidence in this regard. Apart from the RM50,000 paid initially towards the deposit sum and the six-monthly instalments paid in 2014, there is no evidence of any direct financial contribution by the defendant towards the purchase of the property. Aside from these sums of monies paid by the defendant, the plaintiff had paid the balance of the purchase price with her own financial resources and through the loan from Public Bank Bhd.

[32] Mahkamah ini juga tidak bersetuju dengan hujahan peguam responden suami bahawa kedua-dua aset *matrimonial* ini sepatutnya dipisahkan dengan masing-masing suami dan isteri mendapat satu unit rumah. Hanya rumah *matrimonial* sahaja dapat disahkan kedua-dua mereka telah menyumbang kepada pembelian rumah tersebut tetapi tidak kepada aset *matrimonial* ini.

[33] Dalam kes *Sivanes a/l Rajaratnam v Usha Rani a/p Subramaniam* [2002] 3 MLJ 273; [2002] 3 CLJ 300 diputuskan bahawa:

> *The function of the court is to make a fair and equitable division of the matrimonial assets that exist at the time of the divorce, taking into consideration the factors laid down in s 76 of the Act. It must be remembered that the court is dividing matrimonial assets and not assessing damages*.
>
> In dividing matrimonial assets pursuant to a divorce, the courts in Malaysia should pay special attention to the provisions of the Act and not rely uncritically on decided cases from other jurisdictions except perhaps those from Singapore where the relevant law is similar. It is not advisable to rely ingenuously on English cases.

[34] Dalam kes *Loo Hon Kong v Loo Kim Lim* [2004] 4 CLJ 1, diputuskan seperti berikut:

> On the facts, the trial court failed to test the evidence of the defendant against the probabilities of the case. There was simply no assessment of the defendant's evidence, particularly against the probabilities of the case and with the defendant's own documents. *The trial court also failed to sufficiently bear in mind that the burden*

of proving that he paid the purchase price under the second transaction laid on the defendant which he had to discharge by adducing cogent evidence, which evidence was wanting and in fact went the other way. The trial court therefore misdirected itself on the facts and failed to draw proper inferences. Having carefully scrutinised the whole of the oral and documentary evidence the Court of Appeal was satisfied that the finding that the defendant had contributed to the purchase price under the second transaction could not stand.

[35] Di dalam kes kita ini, berdasarkan fakta, duit deposit juga telah dibayar oleh pempetisyen isteri sepenuhnya dan jumlah keseluruhan harga belian juga daripada duit simpanan beliau sendiri. Tiada sebarang bukti bayaran lain daripada responden suami yang memungkinkan beliau berhak kepada rumah tersebut walaupun sebagai 'resulting trust' kerana tiada bukti secara jelas akan sumbangan tersebut.

[36] Dalam kes *Balakrishnan a/l Kaliappan v Shameena a/p Nathesan* [2019] 5 MLJ 661, mahkamah memutuskan bahawa:

(2) Given the clear wordings of s 76(5) of the LRA, the court's consideration of the claim for the matrimonial home must be based, from the facts of the case on the evidence pertaining to the monetary contribution to its acquisition and improvement. Based on the facts in the present appeal, the court agreed with the learned judicial commissioner that the husband had failed to prove that he had a hand in the acquisition of and had made improvements to the matrimonial home

(3) In order to resort to the aid of a resulting trust, the appellant bore the burden of proving that he paid fully for the purchase of the matrimonial home or partly. However, the evidence in the present case did not support that this was so at all. In addition, the issue of a resulting trust did not arise at all. Such a trust was only an issue for parties not in matrimony, for those who were, their rights to matrimonial assets acquired before and after marriage had been adequately provided for under the LRA. Since the whole purpose of enacting the LRA was to provide for matters relating to and incidental to marriages contracted thereunder, recourse to rights provided outside the LRA, particularly pertaining to one which had been specifically spelt out in it, which in this case was the parties' entitlement to the matrimonial property, should not be allowed.

[37] Mahkamah ini menerima keterangan pempetisyen isteri berbanding keterangan responden suami dalam isu ini.

Mahkamah merujuk kepada kes *Teoh Cy Kuan (L) v Lee Lai San (P)* [2020] 10 MLJ 42, yang memutuskan bahawa:

[14] It is trite that in a trial by affidavits when one party makes factual allegations against the other (PH affidavit in reply in encl 13), and such allegations is left unanswered or unrebutted by RW, the failure to contradict it is usually treated as an admission of the facts so asserted (see *Ng Hee Thong & Anor v Public Bank Bhd* [2000] 2 MLJ 29). In the present case, RW elected not to answer to the averments in encl 13. In *Sykt Telekom Malaysia Bhd v Business Chinese Directory Sdn Bhd*

[1994] 2 MLJ 420, it was ruled that where the court is expected to make a decision on affidavit evidence without oral evidence or cross-examination of the deponents of the affidavits, the court would be critical of the affidavit evidence which must on the face of it be plausible. If the allegations made by one party in the affidavit and those allegations were credibly denied by the other party, in the absence of oral evidence or cross examination, the judge must ignore the disputed allegations and decide the fate of the case by considerations of the undisputed facts.

Sama ada responden suami dikehendaki membayar nafkah hidup sebanyak RM3,000 sebulan kepada pempetisyen isteri

[38] Dalam kes ini, pempetisyen isteri merupakan OKU sejak 2018, tidak lagi berkerja. Beliau telah diberikan pencen ilat di bawah Skim Perkeso dengan bayaran RM1,400 sebulan. Namun ianya telah dihentikan sementara kerana terdapat aduan daripada responden suami bahawa pempetisyen isteri telah berkerja sebagai pemandu Grab. Berdasarkan keterangan yang ada di mahkamah, tidak terdapat sebarang bukti bahawa pempetisyen isteri telah berkerja sebagai pemandu Grab walaupun beliau memberitahu kepada mahkamah ada cubaan untuk berbuat demikian. Namun tidak berupaya menjadi pemandu Grab kerana kekangan atas kecacatan fizikal beliau. Sebelum disahkan sebagai OKU dan mendapat pencen ilat, pempetisyen isteri berkerja sebagai jururawat dengan pendapatan sebanyak RM3,000 sebulan.

[39] Dalam kes ini, dalam hujahan utama, pada mulanya pempetisyen suami mencadangkan jumlah RM1,000 dibayar kepada pempetisyen isteri. Namun kemudiannya menarik balik hujahan tersebut dan memasukkan hujahan tambahan dengan menyatakan tiada sebarang jumlah ditawarkan kerana berpendapat pempetisyen isteri tidak layak dibayar sebarang nafkah.

[40] Alasan yang diberikan oleh responden suami dalam hujahan tambahan adalah kerana responden suami telah 'memperolehi maklumat' pada 20 Julai 2022 daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial bahawa pencen ilat pempetisyen isteri sebanyak RM1,660.68 sebulan telah diteruskan dan malahan kesemua amaun tunggakan telah dibayar kepada pempetisyen isteri. Beliau berpendapat bahawa pempetisyen isteri telah pun mempunyai saraan sepanjang hayatnya sedangkan responden suami hanya akan mempunyai pendapatan selama tiga tahun dan enam bulan sahaja lagi sebelum bersara.

[41] Semasa kes ini didengar, tiada keterangan daripada pempetisyen isteri bahawa pencen ilat telah dibayar semula. Peguam pempetisyen isteri juga tidak dapat mengesahkan keterangan ini kerana ianya dimasukkan dalam hujahan tambahan responden suami sahaja dan tiada keterangan yang kukuh di hadapan mahkamah ini bagi mengesahkan fakta dalam hujahan responden suami itu.

[42] Berbalik kepada jumlah RM1,000 yang diberikan oleh mahkamah ini adalah munasabah memandangkan pempetisyen isteri tidak dapat bekerja. Mahkamah ini juga mengambilkira pendapatan responden suami. Responden suami telah membuktikan bahawa gajinya yang terkini pada Januari 2022, Februari 2022, dan Mac 2022 adalah di antara RM5,000 ke RM5,100. responden suami juga telah berumur 56 tahun dan alasan bersara di dalam tempoh empat tahun dari tarikh hujahan ini pada usia 60 tahun.

[43] Bagi jumlah tuntutan sebanyak RM3,000 daripada pempetisyen isteri pula, responden suami berhujah, tuntutan nafkah bulanan itu adalah tidak munasabah dengan mengambil kira ianya merupakah 60% dari jumlah pendapatan terkini responden suami. Tiada keterangan dikemukakan oleh pempetisyen isteri bagi menunjukkan responden suami mempunyai sumber pendapatan lain selain daripada gaji responden suami. Mahkamah ini menerima fakta bahawa pendapatan responden suami adalah dalam RM5,000 ke RM5,100 dan bukan dalam lingkungan RM7,000 hingga RM8,000 seperti dakwaan pempetisyen isteri.

[44] Dalam menentukan jumlah nafkah berdasarkan alasan-alasan tersebut mahkamah ini mendapati jumlah RM1,000 sebulan iaitu 20% daripada pendapatan terkini responden (ini juga jumlah yang dicadangkan oleh responden suami pada asalnya). Jumlah ini adalah tidak terlalu membebankan responden suami dan dalam masa yang sama dapat menampung pempetisyen isteri untuk meneruskan kehidupannya dengan mengambil kira keadaan semasa beliau. Mahkamah berpendapat jumlah ini tidak membebankan responden suami menyara diri sendiri selepas penceraian dan bersara dari alam pekerjaan pada usia 60 tahun kelak.

[45] Dalam kes *Sivajothi a/p K Suppiah v Kunathasan a/l Chelliah* [2000] 6 MLJ 48; [2000] 3 CLJ 175, mahkamah dalam memerintahkan nafkah, telah merujuk kepada 'the nature of maintenance' as a 'form of material provision that will enable an adult to live a normal life,' within the means and affordability of the affected party.

[46] Dalam menentukan prinsip memberikan nafkah, mahkamah ini juga merujuk kepada kes *Koay Cheng Eng v Linda Herawati Santoso* [2008] 4 MLJ 863; [2008] 4 CLJ 105, Mahkamah Rayuan yang memutuskan faktor-faktor berikut mesti dipertimbangkan oleh mahkamah iaitu:

(a) the duration of the marriage;

(b) whether there are any children of the marriage, the age of the parties;

(c) whether the husband had financially supported the wife during the subsistence of the marriage;

(d) the parties earning capabilities; and

(e) whether the divorce would have affected the husband's position financially ...

... the wife was to be placed in a position to enjoy the same standard of living as she had during the existence of the marriage.

[47] Nafkah adalah bemaksud lebih daripada sekadar makanan, juga termasuk keselesaan tempat tinggal, kemudahan *utilities*, perubatan, insuran dan lain-lain. Namun jumlah ini juga mestilah munasabah. Dalam kes ini, pempetisyen isteri, dengan mengambilkira bahawa beliau tidak mempunyai pendapatan semasa ini, jumlah tersebut adalah munasabah setelah mempertimbangkan keadaan dan pendapatan responden suami. Mahkamah ini mendapati jumlah RM1,000 adalah munasabah dan tidak terlalu membebankan responden suami.

[48] Berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan, mahkamah ini memutuskan bahawa sejumlah RM39,000 dibayar sebagai tunggakan nafkah kepada pempetisyen isteri dan ini adalah jumlah yang munasabah mengambil kira tempoh yang telah dibuktikan. Walaupun sekiraya pencen ilat telah diperolehi kemudian, (pada masa ini tidak terdapat keterangan dan bukti kukuh telah dibayar semula) ianya tidak akan menjejaskan jumlah yang diberikan oleh mahkamah ini kerana mahkamah dalam memberikan jumlah RM1,000 sebulan berdasarkan kepada pendapatan responden suami semasa ini dan bukan dengan mengambil kira tuntutan pempetisyen isteri semata-mata.

[49] Pada prinsip asas dalam kes penceraian, nafkah masih boleh diperintahkan diberikan kepada pempetisyen isteri walaupun beliau mempunyai pendapatan. Dalam kes *Wong Kim Foong (F) v Teau Ah Kau @ Chong Kwong Fatt* [1998] 1 MLJ 359, di mana mahkamah memutuskan bahawa:

The fact that the wife is gainfully employed and has her own income does not disentitle her to maintenance from her husband; nevertheless, the quantum of such payment may be reduced. The same argument is even stretched further and it is this. The fact that no maintenance payment is made to her during the marriage does not ipso facto excuse the husband's obligation to provide maintenance for the wife subsequently.

[50] Dalam kes *Koay Cheng Eng v Linda Herawati Santoso* [2008] 4 MLJ 863, mahkamah memutuskan dalam nada yang sama iaitu:

... where a wife is gainfully employed it does not disentitle her to maintenance, nevertheless the quantum of that amount may be reduced.

(Sila lihat juga kes *Kamalahasan a/l Singaram v Portia Ceri Pooran* [2019] MLJU 1442.)

[51] Mahkamah juga dalam kes ini telah membenarkan tunggakan dibayar selama 39 bulan kerana ianya dibolehkan di bawah s 86 AUPP kerana petisyen peceraian difailkan pada 5 Mac 2020 dan pempetisyen isteri telah keluar daripada rumah *matrimonial* pada 17 Mei 2019 sepertimana diputuskan dalam kes *Koay Cheng Eng v Linda Herawati Santoso* [2008] 4 MLJ 863, bahawa:

> [31] In dealing with this issue, we shall refer to s 86 of the Act which states:
>
> (1) Subject to subsection (3), arrears of unsecured maintenance, whether payable by agreement or under an order of the court, shall be recoverable as a debt from the defaulter and, where they accrued before the making of a receiving order against the defaulter, shall be provable in his or her bankruptcy and, where they accrued due before his or her death, shall be debt due from his or her estate.
>
> (2) Subject to subsection (3), arrears of unsecured maintenance which accrued due before the death of the person entitled thereto shall be recoverable as a debt by the legal personal representatives of such person.
>
> (3) No amount owing as maintenance shall be recoverable in any suit if it accrued due more than three years before the institution of the suit.
>
> [32] It is clear that the order made by the learned High Court judge was for the appellant to pay the respondent the arrears of maintenance starting from July 1998. The petition for divorce was filed on 1 September 1999 after the appellant moved out from the matrimonial home. We are in the agreement with learned counsel for the respondent that her claim is well within the three years period. The appellant cannot therefore refuse to pay the maintenance and cannot say that the respondent had sat on her rights as she has all the rights to claim for the maintenance and is entitled for that. Hence, we hereby agree with the learned High Court judge that the respondent should be entitled for the arrears of maintenance starting from July 1998.

KESIMPULAN

[52] Atas imbangan kebarangkalian mahkamah ini mendapati bahawa pempetisyen isteri telah berjaya membuktikan tuntutan beliau dan dengan alasan-alasan yang diberikan di atas, mahkamah dengan ini membenarkan perintah:

(a) bahawa 1/2 bahagian responden suami di dalam rumah *matrimonial* No 1, Pintasan Tuna, Seberang Jaya, 13600 Prai diperintahkan untuk pindahmilik kepada pempetisyen isteri dalam tempoh 90 hari dari tarikh perintah ini. Sekiranya responden suami gagal berbuat demikian setelah diserahkan dengan perintah ini, Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang diberi kuasa

sepenuhnya untuk menandatangani dan memeterai segala suratcara dan dokumen berkaitan dengan pindahmilik tersebut. Selanjutnya, Pendaftar Hakmilik Tanah, Pentadbir Tanah atau mana-mana pihak-pihak berkaitan hendaklah memindahkan rumah *matrimonial* tersebut kepada pempetisyen isteri dengan sewajarnya setelah penyampaian perintah ini dengan dan/atau tanpa suratan hak milik asal; dan

(b) responden suami diperintahkan membayar jumlah tunggakan bagi pempetisyen isteri sebanyak 39 bulan (bulan Jun 2019–Ogos 2022) iaitu sebulan RM1,000 sebulan sebanyak RM39,000 dalam tempoh 30 hari mahkamah juga memutuskan pihak-pihak menanggung kos masing-masing bagi perbicaraan ini dan memutuskan bahawa tiada sebarang perintah atas kos bagi perbicaraan ini.

Perintah sewajarnya.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh